

# Tingkat kemahiran jangan harap subsidi

**KUALA LUMPUR 2 Sept.** - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir berharap agar rakyat mampu berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan.

Katanya, walaupun kerajaan akan melakukan sesuatu untuk rakyat namun dalam masa sama rakyat juga diingatkan tidak terlalu mengharap subsidi daripada kerajaan.

"Ya, kita akan melakukan apa yang harus dilakukan untuk rakyat tetapi mereka juga harus belajar untuk menjadi kurang bergantung kepada kita.

"Jika mereka tidak mendapat pendapatan mencukupi mereka perlu meningkatkan kemahiran atau meningkatkan produktiviti mereka," katanya seperti dilaporkan dalam artikel *Going Places*, sebuah majalah penerbangan Malaysia Airlines.

Tambahnya, rakyat juga tidak seharusnya mengharapkan subsidi daripada kerajaan kerana tindakan itu tidak akan menghasilkan kejayaan.

"Itulah cara negara menjadi kaya. Jika anda mengharapkan kerajaan memberi subsidi kepa-

da anda sepanjang jalan itu tidak akan menghasilkan kekayaan.

"Ini adalah kerugian kepada kerajaan," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, beliau bersyukur kerana diberi kepercayaan untuk memimpin walaupun sudah berusia.

"Saya ingin menjadi Perdana Menteri muda tetapi hakikatnya saya sudah tua. Nasib baik, saya masih boleh bekerja, orang mempercayai dan mahu saya memimpin.

"Oleh itu saya bertindak balas terhadap tuntutan rakyat dan parti pembangkang," katanya.